

20 MAR 1999

Sabah-Reaksi (Kadazandusun)

PELANTIKAN DUA MENTERI KADAZANDUSUN BUKTI KEIKHLASAN BN

KOTA KINABALU, 20 Mac (Bernama) -- Dua pemimpin dari kalangan kaum Kadazandusun hari ini menyifatkan pelantikan mereka sebagai menteri kabinet sebagai bukti keikhlasan kerajaan Barisan Nasional (BN) untuk menjayakan amalan perkongsian kuasa.

Kedua-dua pemimpin itu berkata pelantikan mereka merupakan satu amanah dan berjanji menjalankan tugas dengan bersungguh selaras dengan kepercayaan yang diberi pucuk pimpinan BN.

"Saya percaya pelantikan ini dibuat berdasarkan kepada keputusan pilihan raya negeri dan saya akan melakukan yang terbaik," kata Datuk Wences Angang selepas upacara mengangkat sumpah jawatan sebagai anggota jemaah menteri negeri di Istana Negeri.

Wences, 53, adalah anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kuala Penyu dan beliau akan memegang portfolio Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat Negeri dalam barisan kabinet negeri yang baru.

Pada pilihan raya negeri Sabtu lepas, beliau menewaskan pencabar terdekat Marcellinus Augustine Piong dari Parti Bersatu Sabah (PBS) dengan majoriti 884 undi.

Seorang lagi anggota kabinet negeri yang baru ialah wakil rakyat Kemabong Datuk Rubin Balang yang dilantik sebagai Menteri Pembangunan Belia, Kebudayaan dan Kemajuan Sukan.

"Pelantikan ini merupakan satu khidmat kepada penduduk di kawasan pedalaman terutama kaum Murut. Saya akan bekerja sedaya upaya untuk membela nasib dan kepentingan mereka," katanya.

Beliau juga berterima kasih kepada Perdana Menteri selaku Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Ketua Menteri Datuk Osu Sukam di atas kepercayaan yang diberikan untuk memikul tanggungjawab itu.

Rubin dari Umno memenangi kawasan Kemabong pada pilihan raya negeri yang lepas, mengalahkan calon PBS Esar Andamas dengan kelebihan undi 836.

-- BERNAMA

NT RON